

A decorative border with a repeating floral and geometric pattern surrounds the central text.

BAB 2

BAB 2

KONSEP *KHILĀFAH* MENURUT AL-QUR'ĀN

2.1 Konsep Asal *Khilāfah*.

Konsep *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* adalah bersandarkan kepada istilah khalifah yang masyhur di dalam perbincangan mengenai kepimpinan dan pemerintahan Islam. Perkataan *khilāfah* dan khalifah telah lama diguna pakai dalam masyarakat Islam. *Khilāfah* dari sudut bahasa memberi maksud penggantian. Manakala dari sudut istilah ia bererti pemerintahan¹. Al-Qur'ān telah menggunakan perkataan *khilāfah* dan khalifah dengan kedua-dua pengertian tersebut di dalam beberapa ayat.

2.1.1 Ayat-ayat al-Qur'ān Berkaitan Konsep *al-Khilāfah al-Islāmiyyah*.

Terdapat sebanyak tujuh belas ayat al-Qur'ān yang menggunakan perkataan *khalafa* (خلف) dan kata pecahannya dengan maksud *khilāfah* yang berkaitan dengan kajian ini. Ayat tersebut adalah:

- i. al-Baqarah, ayat 30.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi".²

Ayat ini menerangkan tentang asal permulaan kejadian manusia serta tujuan penciptaannya. Ia adalah ayat pertama di dalam al-Qur'ān yang

¹ Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi (1990), *Kamus Idris Al-Marbawi*, Kuala Lumpur: Darulfikir, hlm 186.

² Surah al-Baqarah 2: 30.

menyentuh topik *khilāfah*. Kupasan ayat ini akan menjadi antara persoalan utama dalam kajian ini.

ii. al-An‘ām, ayat 133 dan 165.

وَرَبُّكَ الْغَنِيُّ ذُو الرَّحْمَةِ إِنْ يَشَاءُ يُدْهِبْكُمْ وَيَسْتَخْلِفْ مِنْ بَعْدِكُمْ مَا يَشَاءُ كَمَا أَنْشَأَكُمْ مِنْ ذُرِّيَّةِ قَوْمٍ آخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

*Maksudnya: Dan Tuhanmu Maha Kaya, lagi Melimpah-limpah rahmatNya. Jika Ia kehendaki, nescaya Ia binasakan kamu dan menggantikan sesudah (binasanya) kamu dengan sesiapa yang dikehendakiNya, sebagaimana Ia telah menjadikan kamu dari keturunan kaum yang lain.*³

Kekuasaan manusia di bumi silih berganti. Tuhan akan membinasakan sesiapa yang berkuasa pada sesuatu masa apabila mereka mengingkari perintah-Nya. Urusan itu tidak sukar bagi Allah sebagaimana Dia pernah menciptakan mereka sendiri dari asal keturunan kaum yang berlainan dari kaum yang ada ketika itu.⁴

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ﴿١٦٥﴾

*Maksudnya: Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu.*⁵

³ Surah al-An‘ām 6: 133.

⁴ Ismā‘īl Ibn Kathīr (1993), *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*, Kaherah: Dār al-Hadīth, jilid 2, hlm 170.

⁵ Surah al-An‘ām 6: 165.

Allahlah yang menjadikan manusia hari ini sebagai pengganti (khalifah) kepada umat-umat terdahulu dan Dia memberikan kelebihan ilmu, kekuatan dan rezeki kepada sesetengah manusia.⁶

iii. al-A[°]rāf ayat 69, 74, 129, 142 dan 169.

وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِي الْخَلْقِ
بَضْطَةً

Maksudnya: "Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Nabi Nūh, dan Allah telah menambahkan kamu kelebihan (dan kekuatan) pada bentuk kejadian tubuh kamu." ⁷

Ayat ini adalah sebahagian dari ucapan Nabi Hūd a.s. dalam menyeru kaumnya kepada iman. Menurut al-Qurtubi, kaum [°]Ād dicipta Allah dengan tubuh badan yang lebih besar dari kaum Nabi Nūh a.s.

وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ عَادٍ وَبَوَّأَكُمْ فِي الْأَرْضِ

Maksudnya: "Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum [°]Ād, dan di tempatkannya kamu di bumi..." ⁸

Ayat ini pula adalah sebahagian seruan Nabi Šālih kepada kaumnya Thamūd. Dia mengingatkan mereka bahawa dijadikan Allah mentadbir bumi selepas kaum [°]Ād dibinasakan.

⁶ Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1960), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, t.tp. Dār al-Fikr, jilid 7, hlm 158.

⁷ Surah al-A[°]rāf 7: 69.

⁸ Surah al-A[°]rāf 7: 74.

قَالَ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ
 فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٧٩﴾

*Maksudnya: Nabi Mūsā menjawab: "Mudah-mudahan Tuhan kamu akan membinasakan musuh kamu dan menjadikan kamu khalifah di bumi, kemudian Ia akan memerhati bagaimana pula perbuatan kamu?"*⁹

Ayat ini adalah sebahagian dialog Nabi Mūsā a.s. dengan Bani Isrā'īl. Baginda mengharapkan agar kaumnya bersabar terhadap ujian seksaan Fir'awn dan mendoakan agar Tuhan membinasakan musuh mereka itu dan menggantikannya dengan mereka pula sebagai pemerintah di bumi.

وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ أَخْلِفْنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ

*Maksudnya: "Dan berkatalah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat): "Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku)..."*¹⁰

Nabi Mūsā mengarahkan Nabi Hārūn supaya menggantikan tempatnya (menjadi khalifahnya) sepanjang tempoh munajat baginda di Tūr Saynā'.

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرِثُوا آلَ كِتَابَ

*Maksudnya: Maka mereka kemudiannya digantikan oleh keturunan-keturunan yang jahat yang mewarisi Kitab (Tawrāt).*¹¹

⁹ Surah al-A'raf 7: 129.

¹⁰ Surah al-A'raf 7: 142

¹¹ Surah al-A'raf 7: 169

Generasi Bani Isrā'īl zaman Nabi Mūsā telah digantikan oleh generasi yang tidak baik dan mula mengabaikan ajaran Tawrāt.

iv. Yūnus ayat 14 dan 73.

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ
كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿٧٣﴾

*Maksudnya: "Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan."*¹²

Setelah Allah s.w.t. menceritakan kisah umat-umat dahulu yang dibinasakan dan digantikan dengan umat lain, diterangkan-Nya bahawa umat Muhammad s.a.w. juga menjadi pengganti (khalifah) kepada umat-umat sebelumnya dengan tujuan supaya amalan mereka dinilai kelak.

فَكَذَّبُوهُ فَتَبَيَّنَتْهُ وَمَنْ مَعَهُ فِي الْفُلْكِ وَجَعَلْنَاهُمْ خَلَائِفَ وَأَعْرَفْنَا
الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا

*Maksudnya: "Mereka tetap juga mendustakan Nabi Nūh, lalu Kami selamatkan dia bersama-sama pengikut-pengikutnya yang beriman di dalam bahtera, dan kami jadikan mereka pengganti-pengganti (yang memakmurkan bumi) serta Kami tenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami (dengan banjir dan taufan sehingga punah-ranah semuanya)."*¹³

¹² Surah Yūnus 10: 14.

¹³ Surah Yūnus 10: 73.

Kaum Nabi Nūh yang ingkar kepada seruannya telah dibinasakan dan digantikan oleh orang-orang yang beriman di kalangan umatnya.

v. Hūd ayat 57.

فَإِن تَوَلَّوْا فَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ مَا أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَيْكُمْ وَيَسْتَخْلِفُ رَبِّي قَوْمًا
غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْئًا

*Maksudnya: "Dalam pada itu, jika kamu membelakangkan juga seruanku, maka tidaklah menjadi hal kepadaku kerana aku telah sampaikan kepada kamu apa yang telah diutus oleh Allah untuk menyampaikannya, dan Tuhanku akan menggantikan kamu dengan suatu kaum yang lain (setelah kamu dibinasakan); dan kamu pula tidak akan dapat membahayakanNya sedikitpun."*¹⁴

Ayat ini adalah sebahagian dialog Nabi Hūd dengan kaum ʿĀd. Baginda menyatakan bahawa risalah Tuhan telah disampaikan kepada mereka. Baginda juga mengingatkan bahawa keingkaran mereka akan diakhiri dengan kebinasaan dan mereka akan digantikan oleh Allah s.w.t. dengan kaum yang lain.

vi. Maryam ayat 59.

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ
فَسَوْفَ يَأْتِيَنَّكُمْ عَائِلَةٌ

Maksudnya: Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat);

¹⁴ Surah Hūd 11: 57.

maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka).¹⁵

Allah s.w.t. menerangkan bahawa generasi beriman di kalangan keturunan Nabi Ādam, Nabi Nūh, Nabi Ibrāhīm dan Isrāīl (Nabi Ya'qūb) a.s. telah dikurniakan nikmat. Namun, mereka telah digantikan oleh generasi yang mengabaikan sembahyang dan menurut hawa nafsu.

vii. al-Nūr ayat 55.

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي
الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ

*Maksudnya: "Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa..."*¹⁶

Ayat ini merupakan janji Allah s.w.t. kepada orang beriman bahawa mereka kelak akan menguasai pemerintahan di bumi. Ia akan dijelaskan lagi dalam tajuk kecil dalam bab ini.

¹⁵ Surah Maryam 11: 59.

¹⁶ Surah Nūr 24: 55.

viii. al-Naml ayat 62.

أَمَّن يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ
أُولَئِكَ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: "Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan, serta menjadikan kamu pengganti (umat-umat yang telah lalu) mendiami dan menguasai bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Amat sedikit di antara kamu yang mengingati (nikmat Allah itu)." ¹⁷

Ayat ini menerangkan bahawa antara kebesaran Allah, Tuhan yang layak disembah Dia berkuasa menjadikan manusia sebagai pengganti-pengganti dan pemerintah di bumi.

ix. Fāṭir ayat 39.

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ

Maksudnya: "Dia lah yang menjadikan kamu orang-orang yang berkuasa di muka bumi silih berganti; oleh itu sesiapa yang kufur ingkar maka balasan kufurnya itu akan menimpa dirinya sendiri;..." ¹⁸

Ayat ini menegaskan sekali lagi bahawa Allahlah yang berkuasa menjadikan manusia sebagai khalifah-khalifah Allah. Orang-orang yang engkar akan ditimpa balasan buruk kerana kekufurannya.

¹⁷ Surah al-Naml 27: 62.

¹⁸ Surah Fāṭir 35: 39.

x. Šād ayat 26.

أَمَّن يُجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ
أُولَئِكَ مَعَ اللَّهِ قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "Wahai Dāwūd, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu)." ¹⁹

Nabi Dāwūd bukan sekadar nabi yang berdakwah, bahkan baginda sudah dijadikan Allah sebagai pemerintah yang memerintah dengan ajaran Allah s.w.t.

xi. al-Zukhruf ayat 60.

وَلَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَا مِنْكُمْ مَلَائِكَةً فِي الْأَرْضِ يَخْلُقُونَ

Maksudnya: "Dan kalaulah kami kehendaki, kami berkuasa melahirkan daripada kamu (wahai kaum lelaki): malaikat mengganti kamu (menjalankan urusan) di muka bumi." ²⁰

Ayat ini menegaskan bahawa tugas-tugas khalifah hanya sesuai dilakukan oleh manusia. Oleh itu Allah tidak menjadikan malaikat sebagai khalifah lantaran mereka tidak mempunyai nafsu yang mendorongnya melakukan kejahatan.

¹⁹ Surah Fāṭir 35: 39.

²⁰ Surah al-Zukhruf 43: 60.

Konsep *al-Khilāfah al-Islāmiyyah* diambil dari ayat-ayat tersebut khususnya ayat yang menerangkan tentang tujuan asal manusia diciptakan iaitu ayat 30, surah al-Baqarah. Firman Allah s.w.t.:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." 21

Selain dari itu, terdapat juga beberapa ayat lain yang menyentuh aspek-aspek sistem pemerintahan *khilāfah* Islam tetapi tidak menggunakan lafaz *khalafa* dan pecahannya. Contohnya firman Allah s.w.t.:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَنَقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: "Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan." 22

Ayat ini membincangkan tentang sifat-sifat golongan yang diberikan kekuasaan memerintah oleh Allah s.w.t. Dengan kata lain, ia menerangkan tentang program dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh sebuah pemerintahan (*khilāfah*) Islam.

²¹ Surah al-Baqarah 2: 30.

2.1.2 Asal Penggunaan Istilah

Walaupun *khilāfah Islāmiyyah* dan khalifah berasal dari perkataan yang sama, masing-masing mempunyai latar belakang penggunaan yang agak berbeza.

a) *Khilāfah Islāmiyyah*

Istilah *khilāfah Islāmiyyah* dengan pengertian pemerintahan Islam tidak terdapat di dalam teks-teks awal karya ulamak-ulamak Islam sama ada dalam bidang sejarah mahupun tafsir dan fiqh. Apa yang ada ialah penggunaan kalimah *khilāfah* yang dinisbahkan kepada manusia, bangsa, keturunan dan kelompok pemerintah seperti *khilāfah al-Nubuwwah*, *khilāfah* Abū Bakr r.a., *khilāfah* °Umar r.a., *khilāfah* Umaiyyah dan *khilāfah* Bani °Abbāsiyyah. Pada hemat penulis, ini disebabkan pemerintahan sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga beberapa belas kurun selepasnya adalah pemerintahan Islam. Masyarakat hanya perlu menisbahkan zaman dan pemerintah tanpa mengaitkannya dengan Islam.

Hanya sekitar awal abad ke 20, barulah istilah *khilāfah Islāmiyyah* digunakan. Antara tokoh awal yang menggunakannya adalah Muḥammad Rasyīd Riḍa dalam karyanya *al-Khilāfah*. Ini berlaku selepas kejatuhan Kesultanan °Uthmāniyyah Turki dan keadaan pemerintahan selepas itu sudah mula tersisih dari nilai-nilai yang dituntut oleh Islam. Beliau menyatakan dalam seruannya kepada bangsa Turki supaya bangkit memperbaharui

²² Surah al-Ḥajj 22: 41.

kerajaan pemerintahan Islam di atas matlamat kesepaduan antara hidayah agama dan tamadun manusia, bukan di atas asas taksub yang mengancam negara-negara Barat.²³

b) Khalifah

Perkataan khalifah pula mempunyai beberapa maksud iaitu sebagai pengganti, pemerintah (secara umum) dan sebagai satu jawatan yang dijawat oleh pemimpin tertinggi dalam Islam.

i) Khalifah sebagai pengganti.

Istilah khalifah dengan pengertian pengganti telah digunakan oleh al-Qur'ān sendiri iaitu dalam ayat 30, surah al-Baqarah tadi.²⁴ Rasulullah s.a.w. juga menggunakan lafaz khalifah dengan pengertian pengganti dalam satu do'a seperti yang diriwayatkan oleh Muslim:

اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ. (رواه مسلم)

*Maksudnya: Ya Allah! Engkaulah teman di dalam perjalanan dan pengganti bagi menjaga keluarga.*²⁵

²³ Muhammad Rasyīd Rida (1922), *al-Khilāfah*, t.tp, al-Zahrā' li al-I'lām al-^cArabī, hlm 11.

²⁴ Lihat hlm 15.

²⁵ Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (t.th), Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-^cArabī, jilid 2, hlm 978.

ii) Khalifah sebagai pemerintah.

Al-Qur'an menggunakan kalimah khalifah dengan pengertian pemerintah ketika menyebut kisah Nabi Dāwūd a.s. Firman Allah s.w.t.:

يَسْأَلُونَكَ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ

Maksudnya: "Wahai Dāwūd, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu)." ²⁶

Perintah supaya menjalankan hukum di kalangan manusia menunjukkan maksud khalifah dalam ayat tadi adalah pemerintah. Rasulullah s.a.w. sendiri mengungkapkan perkataan khalifah dengan makna pemerintah atau pengganti dalam pemerintahan seperti disebut dalam *hadīth* Abū Hurayrah berikut:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسْؤُسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي وَسَتَكُونُ خُلَفَاءُ تَكْثُرُ قَالُوا فَمَا تَأْمُرُنَا قَالَ فُوا بِيْعَةَ الْأَوَّلِ فَأَلَّوْا وَأَعْطَوْهُمْ حَقَّهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ سَأَلَهُمْ عَمَّا اسْتَرْعَاهُمْ. (متفق عليه)

Maksudnya: "Segala urusan pengikut Bani Israel akan diatur oleh para Nabi. Apabila seseorang nabi itu meninggal dunia, dia akan digantikan oleh seorang nabi yang lain. Tetapi sesungguhnya tidak akan ada nabi selepasku. Pada suatu ketika nanti akan muncul Khalifah yang ramai. Para Sahabat bertanya: Apakah yang anda perintahkan kepada kami? Nabi s.a.w menjawab: Patuhilah perlantikan khalifah yang pertama, kemudian yang seterusnya. Penuhilah hak-hak mereka, sesungguhnya Allah akan menanyakan tentang apa yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka." ²⁷

²⁶ Surah Šād 38: ayat 26.

iii) Khalifah sebagai jawatan.

Khalifah sebagai nama jawatan mula diperkenalkan pada zaman Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. selepas beliau dilantik sebagai pemimpin menggantikan Rasulullah s.a.w. Dalam satu riwayat, Abū Bakr telah menolak gelaran khalifah Allah tetapi beliau menerima panggilan sebagai khalifah Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ قَالَ قِيلَ لِأَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَا خَلِيفَةَ اللَّهِ فَقَالَ أَنَا
خَلِيفَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا رَاضٍ بِهِ وَأَنَا رَاضٍ بِهِ وَأَنَا
رَاضٍ.

Maksudnya: Dari anak Abū Mulaykah katanya: Ada orang memanggil Abū Bakr dengan panggilan "Wahai Khalifah Allah!" Lalu Abū Bakr menjawab: "Aku adalah khalifah (pengganti) Rasulullah s.a.w. dan aku redha dengannya, aku redha dengannya, aku redha." ²⁸

Bermula dari saat perlantikan Abū Bakr, umat Islam terus menggunakan istilah khalifah merujuk kepada ketua tertinggi di dalam negara dan empayar Islam. Penggunaan ini berterusan sehingga ke akhir zaman pemerintahan Turki ʿUthmāniyah pada tahun 1924 M. Walaupun terdapat perubahan nama jawatan tersebut kepada istilah *Amīr al-Muʾminīn*, Sultan dan Imam, istilah khalifah tetap digunakan dalam konteks pengertian jawatan itu.

²⁷ Muhammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (1987), Beirut: Dār Ibn Kathīr, jilid 3, hlm 1273.

Dalam riwayat Ibn Mājah, lafaz (فوا بيعة الأول) disebut dengan (أوفوا بيعة الأول).

²⁸ Aḥmad bin Ḥanbal al-Syaybānī, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (t.th), Mesir: Mu'assasah Qurtubah, jilid 1, hlm 10.

2.1.3 Konsep Pengganti

Kebanyakan ahli tafsir membincangkan pengertian khalifah yang disebut oleh Allah s.w.t. dalam ayat 30, surah al-Baqarah. Oleh kerana khalifah bermaksud pengganti, persoalan yang ditimbulkan oleh mereka adalah siapakah yang diganti oleh manusia. Sekurang-kurangnya terdapat empat penafsiran tentang perkara ini iaitu:

i) Pengganti Kepada Allah.

Menurut pendapat ini, manusia diciptakan sebagai pengganti di bumi bagi pihak Allah s.w.t. di dalam melaksanakan pemerintahan dengan adil di antara makhluk-Nya. Hampir keseluruhan kitab tafsir (dalam kajian penulis) menyebut pandangan ini di samping pandangan-pandangan lain. Menurut al-Ṭabari, pendapat ini diambil dari Ibn Mas'ūd dan Ibn 'Abbās.²⁹ Menurut al-Māwardī pula, ia tidak bermaksud manusia menggantikan Allah dalam penciptaan, tetapi sebagai pelaksana perkara yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. dan mendirikan syariat-Nya di muka bumi.³⁰ Al-Zamakhshari juga menerima pandangan ini kerana Adam adalah khalifah Allah di bumi-Nya.³¹ Al-Rāzī pula menguatkan pandangan ini dengan ayat berikut:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الَّذِينَ كَفَرُوا قُلْ لَا يَمْلِكُونَ لَكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّوكُمْ شَيْئًا يَدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ

Maksudnya: Wahai Dāwūd, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di

²⁹ Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabari (1986), *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, jilid 1, hlm 157.

³⁰ Ali bin Muḥammad al-Māwardī (t.th.), *al-Nukat wa al-'Uyun (Tafsīr al-Māwardī)*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jilid 1, hlm 95.

³¹ Maḥmūd bin 'Umar al-Khawārizmī al-Zamakhshari (t.th.), *al-Kasysyāf*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, jilid 1, hlm 61.

*antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu).*³²

Walau bagaimanapun, Ibn Taymiyyah menolak pandangan ini kerana Allah s.w.t. tidak memerlukan pengganti atau pembantu. Bahkan makhluklah yang memerlukan pengganti atau dengan kata lain, Allah s.w.t. adalah pengganti dan pembantu bagi makhluk.³³ Beliau berhujah dengan kata-kata Abū Bakr ketika menolak gelaran sebagai khalifah Allah.³⁴

Namun tiada sebarang nas yang *qaf'ī* tentang perkara ini.³⁵ Sebagai jalan tengah kepada persoalan ini penulis memilih pandangan al-Mawardi di atas, iaitu manusia adalah pelaksana perintah dan peraturan Allah. Selain ia merupakan pendapat yang paling kuat³⁶, ia juga selaras dengan tujuan manusia dicipta untuk diuji keimanan dan amalannya sama ada bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t. atau sebaliknya. Apa yang penting adalah ia tidak bermaksud Allah memerlukan sebarang pengganti atau penolong.

ii) Pengganti Kepada Jin.

Kebanyakan ahli tafsir menyebut pendapat ini dalam mentafsirkan ayat 30, surah al-Baqarah. Al-Marāghī menyatakan manusia sebagai pengganti kepada makhluk jenis lain.³⁷ Begitu juga Ibn al-Jawzī, sekadar menyebut

³² Surah Šād 38: ayat 26.

³³ Ahmad bin 'Abd al-Halīm Ibn Taymiyyah (1988), *al-Khilāfah wa al-Mulk*, Jordan: Maktabah al-Manār, hlm 53.

³⁴ Lihat hlm 18.

³⁵ Sa'īd Ḥawwā (1993), *al-Asās fi al-Tafsīr*, t.tp. Dār al-Salām, cet. Ke-4, jilid 1, hlm 115.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Ahmad Mustafā al-Marāghī (t. th.), *Tafsīr al-Marāghī*, Beirut: Dār Ihya al-Turāth al-‘Arabī, hlm 77.

bahawa di bumi ada makhluk lain sebelum manusia, lalu mereka melakukan kerosakan lantas dimusnahkan oleh Allah s.w.t.³⁸

Al-Hākim meriwayatkan kata-kata Ibn ʿAbbās bahawa bangsa jin keturunan al-Jānn telah mendiami bumi selama dua ribu tahun sebelum manusia dicipta. Apabila mereka melakukan kerosakan dan menumpahkan darah, Allah s.w.t. mengutuskan tentera dari kalangan malaikat lalu memerangi bangsa jin sehingga ke pulau-pulau di laut. Lalu Allah s.w.t. mengisytiharkan penciptaan manusia sebagai pengganti mereka di bumi.³⁹

Kebanyakan kitab tafsir yang mengemukakan pandangan ini mengambilnya dari sumber yang sama iaitu Ibn ʿAbbās. Manakala al-Suyūṭī berpada dengan pandangan ini, tanpa menyebut pandangan-pandangan yang lain.⁴⁰ Walau bagaimanapun, al-Zamakhsyarī tidak menyebut pandangan ini di dalam tafsirnya, al-Kasasyāf.

iii) Pengganti Kepada Malaikat.

Pendapat ini disandarkan kepada Ibn ʿAbbās oleh al-Fayrūz Abādī. Manusia dijadikan di bumi dari tanah sebagai pengganti kepada para malaikat

³⁸ Abd al-Raḥmān bin ʿAli bin Muḥammad al-Jawzī (1994), *Zād al-Masīr fi ʿIlm al-Tafsīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, jilid 1, hlm 51.

³⁹ Muḥammad bin ʿAbd Allāh al-Hākim al-Nīsābūrī (1990), *al-Mustadrak ʿala al-Ṣaḥīḥayn*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, jilid 2, hlm 287.

⁴⁰ Jalāl al-Din ʿAbd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (1990), *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr hi al-Ma'thūr*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, jilid 1, hlm 93-94.

yang mendiami bumi.⁴¹ Demikian juga pandangan Al-Zamakhsharī dalam kitabnya, al-Kasysyāf.⁴²

Pendapat ini juga disebut oleh al-Khāzin dan al-Nasafī. Adam diciptakan sebagai ganti kepada para malaikat yang mendiami bumi selepas mereka menggantikan jin yang melakukan kerosakan.⁴³ Al-Syawkānī pula membawa riwayat dari Ibn ʿAsākīr bahawa Iblis adalah dari satu kabilah (kumpulan) malaikat yang dikenali sebagai “*jinn*” (jin) kerana kabilah ini adalah penjaga “*jannah*” (syurga). Allah s.w.t. mengurniakan kepada Iblis pemerintahan langit dunia. Apabila Iblis mula merasa takbur dengan kurniaan itu, Allah s.w.t. mengisytiharkan Adam sebagai pengganti mereka (malaikat, khususnya kumpulan jin yang termasuk dalam golongan malaikat).⁴⁴ Oleh itu, pendapat ini tidak lari dari pendapat kedua, tetapi meletakkan jin sebagai satu rumpun kumpulan malaikat.

iv) Pengganti Antara Generasi Demi Generasi.

Manusia diciptakan sebagai pemerintah bumi yang dimulai dengan Adam a.s. kemudian diwarisi silih berganti antara generasi demi generasi. Keadaan mereka yang silih berganti itu menjadikan mereka digelar khalifah yang membawa maksud makhluk yang silih berganti. Ini berbeza dengan kehidupan makhluk lain seperti malaikat. Tiada pertukaran generasi dalam kehidupan mereka. Mana-mana malaikat tidak menggantikan malaikat lain

⁴¹ Muḥammad bin Yaʿqūb al-Fayrūz Abādī, (t.th.), *Tanwīr al-Miqbās Min Tafsīr Ibn ʿAbbās*, Indonesia: Dār Ihyāʾ al-Kutub al-ʿArabiyah, hlm 6.

⁴² Al-Zamakhsharī, *op.cit*, hlm 61.

⁴³ Ali bin Muḥammad Al-Khāzin (t.th.), *Lubāb al-Taʿwīl fi Maʿanī al-Tanzīl*, (t.tp), Dār al-Kutub al-

ʿArabiyah al-Kubrā, hlm 42. ʿAbd Allāh bin Aḥmad al-Nasafī (t.th.), *Madārik al-Tanzīl wa Haqāʾiq al-Taʿwīl*, (t.tp), Dār al-Kutub al-ʿArabiyah al-Kubrā, hlm 42.

⁴⁴ Muḥammad bin ʿAlī al-Syawkānī (1991), *Fatḥ al-Qadīr*, Beirut: Dār al-Khayr, jilid 1, hlm 67.

dalam menjalankan peranan dan tugas yang diamanahkan oleh Allah kepada mereka. Menurut al-Ṭabarī, pendapat ini dipetik dari al-Ḥasan al-Baṣrī.⁴⁵ Abū Hayyān juga turut menyokong pandangan ini.⁴⁶

Pandangan ini dikuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ



*Maksudnya: Dan Dia-lah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*⁴⁷

Keempat-empat pandangan tadi disebut oleh Abū Hayyān. Bahkan beliau menambah satu pandangan lagi iaitu Adam sebagai pengganti Iblis dalam memiliki bumi.⁴⁸ Kebanyakan ahli tafsir meriwayatkan pendapat pertama dan kedua, namun tidak semua di kalangan mereka mentarjihkan pandangan-pandangan tersebut. Al-Baghawī dan al-Khāzin mentarjihkan

⁴⁵ Al-Ṭabarī (1986), *op. cit.*, hlm 157.

⁴⁶ Abū Hayyān Muḥammad bin Yūsuf al-Andalūsī (1992), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Kaheerah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, Cet. 2, hlm 140.

⁴⁷ Surah al-Anʿām 6: 165.

⁴⁸ Abū Hayyān, *op. cit.*

pendapat yang paling tepat iaitu manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. dalam mendirikan hukum-Nya dan melaksanakan pesanan-Nya.⁴⁹

2.1.4 Siapakah Khalifah

Para ahli tafsir juga membincangkan tentang siapakah yang dimaksudkan sebagai khalifah dalam ayat 30, surah al-Baqarah. Pada zahirnya, ayat tersebut menunjukkan bahawa Adam a.s. adalah khalifah yang diciptakan berdasarkan lafaz *mufrad* (kata tunggal) yang digunakan dalam ayat tersebut. Ini bersesuaian dengan pandangan bahawa Adam menggantikan jin.

Namun, terdapat ayat lain menunjukkan bahawa para nabi juga adalah khalifah seperti Nabi Dāwūd a.s. Firman Allah s.w.t.:

يَسْأَلُونَكَ إِنَّآ جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِى الْاَرْضِ

*Maksudnya: Wahai Dāwūd, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi.*⁵⁰

Oleh itu, ada pendapat bahawa khalifah adalah dari kalangan yang baik dan soleh sahaja berdasarkan firman Allah s.w.t.:

⁴⁹ Al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawī (1993), *Ma'ālim al-Tanzīl*, (t.tp), Dār al-Ṭayyibāt, cet. 2, jilid 1, hlm 79. Al-Khāzin, *op.cit*, hlm 42.

⁵⁰ Surah Ṣād 38: 26.

❖ وَإِذْ أَسْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۗ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا
 قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي ۗ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿١٢٤﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrāhīm diuji oleh Tuhannya dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrāhīm pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrāhīm pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim." ⁵¹

Namun, pandangan yang lebih tepat ialah khalifah adalah seluruh manusia kerana Tuhan menggunakan nama Adam bagi mewakili seluruh anak keturunannya.⁵² Ini dikuatkan lagi dengan firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ

Maksudnya: "Dan Dia-lah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi." ⁵³

⁵¹ Surah al-Baqarah 2: 124.

⁵² Al-Zamakhsyari, *op.cit*, hlm 61.

⁵³ Surah al-An'ām 6: 140.

2.1.5 Istilah-istilah Berkaitan *Khilāfah*

Sejarah menunjukkan bahawa ketua negara Islam dikenali dengan beberapa nama selain dari khalifah. Istilah itu bukan sahaja berdasarkan penggunaannya di dalam sejarah. Bahkan terdapat nas-nas al-Qur'ān dan al-Hadīth yang menjadi asas penerimaan panggilan-panggilan itu, iaitu:

i) *Amīr al-Mu'minīn*

Orang pertama memperkenalkan panggilan ini adalah 'Umar al-Khattāb r.a. Umat Islam telah menggunakan gelaran "khalifah Rasulullah" kepada Abū Bakr r.a. kerana Abū Bakr r.a. menolak gelaran "khalifah Allah". Sebaik sahaja 'Umar dilantik sebagai khalifah menggantikan Abū Bakr r.a., orang ramai menggelarkan beliau sebagai "khalifah (pengganti) kepada khalifah Rasulullah". 'Umar menganggap gelaran itu terlalu panjang dan akan bertambah panjang apabila khalifah yang sedia ada digantikan oleh pemimpin lain kelak. Lalu 'Umar berkata: "Kamu semua adalah mukminin dan aku adalah *amīr* (ketua) kamu."⁵⁴ Sejak itu beliau dan khalifah selepasnya dinamakan "*Amīr al-Mu'minīn*".

Rasulullah s.a.w. menggunakan istilah *amīr* merujuk kepada ketua dalam sabda baginda:

لَتَفْتَحَنَّ الْقُسْطَ ظَنِينِيَّةً فَلَنَعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَنَعْمَ الْحَيْشُ ذَلِكَ الْحَيْشُ

⁵⁴ Muḥammad bin Jarīr Al-Ṭabarī (1407H), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, jilid 2, hlm 569.

Maksudnya: "Kota Constantinople akan ditawan. Maka sebaik-baik pemimpin adalah pemimpinnya dan sebaik-baik tentera adalah tentera tersebut." ⁵⁵

ii) *Al-Imām al-Akbar* atau *al-Imām al-A^czam*

Gelaran imam mula digunakan oleh golongan syiah kepada ^cAli bin Abī Tālib k.r.w. ⁵⁶ Ketua negara dipanggil imam kerana persamaannya dengan imam di dalam solat yang diikuti dan dipatuhi. Untuk membezakan antara keduanya, panggilan ketua negara dikaitkan dengan kebesaran iaitu *al-Akbar* atau *al-A^czam*. ⁵⁷

Istilah imam juga disebut di dalam *hadīth-hadīth* Rasulullah s.a.w., antaranya:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ...

Maksudnya: "Tujuh (golongan) yang akan dinaungi Allah s.w.t. di bawah naungan-Nya pada hari yang tiada naungan selain dari naungan-Nya iaitu; imam yang adil..." ⁵⁸

⁵⁵ Ahmad bin Hanbal, *op.cit.*, jilid 4, hlm 335.

⁵⁶ Ghālib ^cAbd al-Kāfi al-Qursyī (1990), *Awwaliyyāt al-Fārūq al-Siyāsiyyah*, Mansoorah: Dār al-Wafā', hlm 71.

⁵⁷ Abd al-Rahmān bin Muḥammad Ibn Khaldūn (1992), *Muqaddimah*, cet. Ke 11, Beirut: Dār al-Qalam, hlm 191.

⁵⁸ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 1, hlm 234.

iii) *Al-Sulṭān*

Menurut al-Ṣafadī, orang pertama disebut sebagai sultan di Baghdad adalah Sultan Abū Syujā⁵⁹ Muḥammad bin Jughra Bak bin Saljūq. Gelaran *al-Sulṭān* sebagai pemerintah empayar Islam mula diperkenalkan pada zaman pemerintahan °Uthmāniyyah Turki. Pemerintah Turki yang mengambil alih *khilāfah Islāmiyyah* dan kepimpinan umat dari Bani °Abbāsiyyah pada tahun 923 H dikenali sebagai Sultan Salīm I.⁶⁰ Selain dari Turki, kerajaan-kerajaan Islam di India dan Melaka juga menggunakan gelaran sultan.

Gelaran ini juga tidaklah dianggap asing atau baru kerana Rasulullah s.a.w. sendiri menyebut istilah *al-sulṭān* dalam *hadīth* berikut:

مَنْ كَرِهَ مِنْ أَمِيرِهِ شَيْئًا فَلْيَصْبِرْ فَإِنَّهُ مَنْ خَرَجَ مِنَ السُّلْطَانِ شِبْرًا مَاتَ مَيِّتَةً
جَاهِلِيَّةً *

*Maksudnya: Sesiapa yang membenci sesuatu pada ketuannya hendaklah bersabar. Kerana sesungguhnya siapa yang keluar dari (mematuhi) sultan satu jengkal, dia mati dalam keadaan jahiliyah.*⁶¹

⁵⁹ Jalāl al-Din °Abd al-Rahmān bin Abī Bakr Al-Suyūṭī (1990), *Al-Wasā'il fi Ma'rifat al-'Awā'il*, Manṣūrah: Dār al-Wafā', hlm 140.

⁶⁰ Jamāl °Abd al-Ḥādī Muḥammad Mas'ūd dkk (1994), *al-Dawlah al-'Uthmāniyyah*, Manṣūrah: Dār al-Wafā', hlm 53.

⁶¹ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 6, hlm 2588.

2.2 Matlamat *Khilāfah*

Selain dari matlamat ibadah dan amanah, tujuan utama manusia dicipta oleh Allah s.w.t. adalah sebagai khalifah berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam ayat 30, surah al-Baqarah yang tersebut.⁶² Al-Qur`ān juga menerangkan tujuan Allah s.w.t. menciptakan manusia sebagai khalifah iaitu:

2.2.1 Memuliakan Manusia

Perkataan khalifah itu sendiri menunjukkan satu pemuliaan kepada manusia. Ibn al-Jawzī menyatakan bahawa kalimah khalifah berasal dari *khalīf* (خليفة) tanpa huruf *ha'* (هـ) pada hujungnya. Huruf *ha'* dimasukkan sebagai unsur *mubālaghah* (bersangatan) dalam pujian seperti kalimah *‘allāmah* (علامة), *nassābah* (نسابة) dan *rāwiyah* (راوية).⁶³

Manusia dimuliakan oleh Allah s.w.t. dengan penyerahan tugas melaksanakan perintah-Nya di bumi kepada mereka⁶⁴. Ayat 30, surah al-Baqarah tadi juga menjelaskan lagi hakikat tersebut apabila Allah s.w.t. memerintahkan pula para malaikat supaya sujud kepada Adam a.s.

2.2.2 Memakmurkan Bumi

Ayat 30, surah al-Baqarah juga menjelaskan tujuan sebenar di sebalik penciptaan manusia. Apabila para malaikat membangkitkan persoalan kerosakan dan tumpah darah yang akan berlaku lantaran penciptaan manusia

⁶² Lihat hlm 15.

⁶³ Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin Muḥammad al-Jawzī (1994), *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, jilid 1, hlm 52.

⁶⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, Damsyiq: Dār al-Fikr, jilid 1, hlm 127.

di bumi, Allah s.w.t. menjawab: "Aku lebih mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

Menurut Sayyid Qutb, hikmah tersembunyi itu adalah membangunkan bumi dan mengmakmurkannya. Di sebalik keburukan manusia yang merosak dan berkelahi itulah terdapat kebaikan yang besar. Manusia membina kemajuan, perkembangan dan mencipta perubahan.⁶⁵ Sebaliknya para malaikat berpendapat bahawa sifat mereka yang sentiasa bertasbih dan memuji Allah itulah yang lebih sesuai sebagai pentadbir bumi. Sedangkan sifat manusia yang berlumba-lumba mendapatkan sesuatu dan mementingkan diri itulah yang mendorong kemajuan dan pembangunan dunia.⁶⁶

2.2.3 Sebagai Ujian Ke Atas Manusia

Konsep kehidupan sebagai ujian juga meliputi aspek pemerintahan. Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah s.w.t. memberikan manusia peluang memerintah sebagai ujian untuk melihat bagaimanakah mereka melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran mereka. firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: Dan Dia-lah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu

⁶⁵ Sayyid Qutb (1995), *Fī Zūl al-Qur'ān*, Kaherah: Dār al-Syurūq, cet. ke 24, jilid 1, hlm 57.

⁶⁶ Al-Zuhaylī (1991), *op. cit*, hlm 126.

*pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*⁶⁷

Firman-Nya lagi:

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

*Maksudnya: Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah-khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang kamu akan lakukan.*⁶⁸

2.2.4 Mendedahkan Realiti Iblis

Dalam mentafsirkan ayat 30 hingga 32, surah al-Baqarah, al-Ṭabari menyatakan bahawa Iblis telah merasa takbur kerana memimpin malaikat dalam menghalau golongan jin dari bumi atau kerana dilantik menjaga langit dunia. Oleh itu, Allah s.w.t. menciptakan Adam sebagai pengganti (khalifah) di bumi untuk menzahirkan sifat takbur yang tersembunyi dari pengetahuan para malaikat itu.⁶⁹

Selepas itu, ternyatalah sifat takbur tersebut apabila Iblis enggan mematuhi perintah Allah s.w.t. supaya sujud kepada Adam a.s.

⁶⁷ Surah al-An'ām 6: 140.

⁶⁸ Surah Yūnus 10: 14.

⁶⁹ Al-Ṭabari, *op.cit.*, hlm 159-160.

2.2.5 Pelaksanaan Hukum Allah

Manusia dicipta oleh Allah untuk mentadbir dunia (bumi) berdasarkan perintah-Nya. Ini sangat bersesuaian dengan tafsiran manusia sebagai pengganti (khalifah) Allah. Bahkan, pentakrifan istilah *khilāfah* dan *imāmah* sendiri merujuk kepada tujuan ini iaitu menggantikan Rasulullah s.a.w. dalam menjaga agama dan mentadbir dunia dengannya⁷⁰. Firman Allah s.w.t.:

يَسْأَلُونَكَ إِذَا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَأَحْكُمُ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ
وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ
اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ مِمَّا تَسْأَلُونَ يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾ وَمَا خَلَقْنَا
السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَسْطًا ذَلِكُمْ ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ
كَفَرُوا مِنَ النَّارِ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Wahai Dāwūd, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu. (26) Dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan; yang demikian adalah sangkaan orang-orang yang kafir! Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang kafir itu dari azab neraka. (27).⁷¹

Ayat di atas menjelaskan tujuan perlantikan Nabi Dāwūd a.s. sebagai khalifah adalah untuk melaksanakan hukum Allah di antara manusia dan tidak

⁷⁰ Ali bin Muḥammad al-Māwardī² (t.th) (2), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm 5.

⁷¹ Surah Sād 38: 26-27.

mengikut hawa nafsu. Sedangkan orang kafir yang mengikut hawa nafsu disediakan azab yang pedih kerana lupa melaksanakan perintah Allah s.w.t.

Menurut Sayyid Qutb, ayat 27, 28 dan 29 dari surah ini menjelaskan satu hakikat yang besar dan mendalam. Antaranya adalah penciptaan langit dan bumi itu sendiri sangat berkait rapat dengan pelaksanaan hukum dan kitab Allah. Penyelewengan dari syariat Allah dalam *khilāfah* adalah penyelewengan dari matlamat alam yang terdiri dari langit dan bumi.⁷²

Dari sini nyatalah hikmah gelaran khalifah kepada para pemimpin di dalam Islam. Islam telah menggunakan istilah yang sentiasa mengingatkan para pemimpin tentang kedudukan mereka yang sebenar di dalam kepimpinan. Mereka bukanlah makhluk pertama yang diciptakan menghuni bumi dan mentadbirnya. Mereka juga bukan pemilik bumi kerana mereka berperanan sebagai pengganti yang menjalankan amanah bagi Allah s.w.t..

Apa yang lebih penting adalah tujuan mereka dilantik sebagai pengganti untuk dinilai dan diuji. Akhirnya manusia akan dipersoal serta dipertanggungjawabkan atas segala tindak-tanduk mereka. Ini bertepatan dengan *hadīth* Rasulullah s.a.w.:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: Setiap kamu adalah pemimpin (pengembala) dan setiap kamu bertanggungjawab (akan dipertanggungjawabkan) tentang kepimpinannya. Seorang imam (ketua) adalah pemimpin kepada rakyatnya dan dia akan dipersoalkan tentang kepimpinannya.⁷³

⁷² Sayyid Qutb, *op.cit.*, jilid 5, hlm 3019.

⁷³ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 1, hlm 304.

2.3 Mendirikan *Khilāfah*

Oleh kerana matlamat utama manusia dicipta oleh Allah s.w.t. adalah sebagai khalifah, maka menjadi tugas manusia untuk mendirikan dan menegakkan *khilāfah* atau pemerintahan Islam seperti yang dituntut oleh Allah s.w.t.

2.3.1 Menegakkan *Khilāfah* Adalah Wajib

Nas-nas berkaitan *khilāfah* tadi menunjukkan betapa pentingnya kedudukan institusi ini di dalam Islam. Oleh itu para ulama bersepakat bahawa hukumnya adalah wajib. Apa yang dibahaskan oleh mereka adalah tentang sumber hukum wajib tersebut.

Menurut al-Māwardī, hukumnya adalah wajib secara ijmak. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menolak kewajipan tersebut seperti al-'Aṣam, seorang bermazhab *Mu'tazilah*, sebahagian *Khawārij* dan 'Ali 'Abd al-Razzāq.⁷⁴ Apa yang menjadi perselisihan adalah asas yang menjadikannya wajib sama ada berdasarkan nas, secara logik atau asas yang lain.

i. Wajib Berdasarkan Nas al-Qur'ān dan al-Hadīth

Menurut al-Qaraḍāwī, kewajipan menegakkan *khilāfah* bukan satu perkara yang diada-adakan oleh gerakan Islam. Bahkan ia sudah sabit di dalam nas al-Qur'ān dan al-Hadīth.⁷⁵ Antaranya firman Allah s.w.t.:

⁷⁴ Al-Māwardī², *op.cit.*, hlm 5. Ibn Khaldūn, *op.cit.*, hlm 196. Mereka berpendapat bahawa apa yang wajib hanyalah melaksanakan perintah syarak. Sekiranya umat berada dalam keadaan adil dan melaksanakan perintah Allah, maka mereka tidak memerlukan pemimpin. 'Ali 'Abd al-Razzāq pula menyebut pendapatnya dalam kitab *al-Islām wa Usūl al-Ḥukm* yang dikarang untuk menjatuhkan *khilāfah* 'Uthmāniyyah.

⁷⁵ Yūsuf Al-Qaraḍāwī, Dr. (1997), *Min Fiqh al-Dawlah fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Syurūq, hlm 15.

♦ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ
 أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا
 ﴿٥٨﴾ يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُوَلِي الْأَمْرِ
 مِنكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهٖ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ
 بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat(58). Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulū al-Amr" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Qur'ān) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.⁷⁶

Ayat 58 tadi ditujukan kepada golongan pemimpin dan pemerintah supaya mereka menunaikan amanah kepada yang berhak dan memerintah dengan adil. Manakala ayat 59 pula ditujukan kepada rakyat iaitu orang-orang yang beriman supaya taat kepada para pemimpin di kalangan mereka. Ayat-ayat di atas jelas menunjukkan perlunya ada sebuah negara atau pemerintahan Islam yang menatijahkan wajibnya memerintah dengan adil dan mentaai

⁷⁶ Surah al-Nisā' 4: 58-59.

pemimpin. Jika tidak, maka perintah di dalam ayat tadi tidak memberi sebarang makna.

Selain dari itu, terdapat juga *hadīth* Rasulullah s.a.w. yang berkaitan. Antaranya sabda Rasulullah s.a.w.:

فَإِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا قَالَ إِذَا وَصَدَ الْأَمْرُ
إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ *

*Maksudnya: Maka apabila amanah disia-siakan, tunggulah kiamat. Lelaki tadi bertanya: Bagaimanakah mensia-siakan amanah itu? Jawab baginda: Apabila urusan kepimpinan diserahkan kepada orang yang tidak layak, maka tunggulah kiamat.*⁷⁷

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

مَنْ خَلَعَ يَدًا مِنْ طَاعَةِ لِقَى اللَّهَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا حُجَّةَ لَهُ وَمَنْ مَاتَ وَتَيْسَ
فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً.

*Maksudnya: Sesiapa yang menarik diri dari taat (kepada pemimpin), dia akan bertemu dengan Allah (pada hari kiamat) dalam keadaan tiada hujah baginya (untuk mempertahankan dirinya). Dan sesiapa yang mati sedangkan tiada baiah ditengukunya, dia mati dalam keadaan jahiliyyah.*⁷⁸

⁷⁷ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 1, hlm 33.

⁷⁸ Muslim, *op.cit.*, jilid 3, hlm 1478. Dalam riwayat lain, Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَمَنْ مَاتَ وَتَيْسَ لَهُ إِسَامٌ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

Muhammad bin Hibbān (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, Beirut: Muassasah al-Risālah, cet. Ke 2, jilid 10, hlm 434.

Hadīth-hadīth di atas menunjukkan perlunya menyerahkan urusan kepimpinan kepada yang layak sahaja dan wajibnya baiah taat setia kepada pemimpin. Kedua-dua perintah tersebut hanya terlaksana dalam suasana adanya pemerintahan Islam.

ii. Wajib Berdasarkan Sunnah *Fīliyyah*⁷⁹

Menegakkan *khilāfah* juga fardu berdasarkan sunnah *fīliyyah* yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Oleh kerana sunnah meliputi segala perbuatan Rasulullah s.a.w., maka tindakan baginda mewujudkan kesatuan politik umat Islam di Madinah dengan baginda sendiri menjadi ketua tertinggi merupakan sunnah yang wajib diikuti.⁸⁰

iii. Wajib Berdasarkan Ijmak Sahabat

Ijmak para sahabat ketika kewafatan Rasulullah s.a.w. juga menjadi dalil wajib menegakkan pemerintahan Islam. Para sahabat mengambil tindakan segera berbaihah kepada Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. walaupun jenazah Rasulullah s.a.w. belum dikebumikan lagi.⁸¹ Bahkan ia juga menjadi ijmak di kalangan umat kerana terlaksana pada zaman sahabat-sahabat berikutnya, zaman tabiin dan seterusnya. Umat Islam tidak pernah terbiar sepanjang 14 kurun tanpa pemimpin sehingga jatuhnya *khilāfah* ^oUthmāniyyah.

⁷⁹ Al-Sunnah dalam Islam meliputi kata-kata, perbuatan dan pengiktirafan (ikrar) Rasulullah s.a.w. Sunnah *Fīliyyah* bermaksud sunnah Rasulullah s.a.w. yang ditunjukkan dari perbuatan atau tindakan baginda s.a.w.

⁸⁰ Sa'īd Hawwā (1988), *al-Islām*, (t.tp), Dār al-Salām, cet. 2, hlm 374.

⁸¹ *Ibid*, hlm 375.

iv. Wajib Berdasarkan Kaedah Usul

Menegakkan *khilāfah* juga wajib berdasarkan kaedah yang menyebut: "apa-apa yang tidak sempurna sesuatu yang wajib melainkan dengannya, maka ia adalah wajib" (ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب).⁸² Kebanyakan kewajipan dalam syariat Islam bergantung kepada pemimpin dan pemerintahan Islam. Dengan kata lain, banyak kewajipan yang tidak akan tertunai tanpa sistem pemerintahan Islam seperti hukum muamalat, munakahat, jihad dan hudud. Oleh itu, menyediakan asas yang membolehkan pelaksanaan hukum-hukum tadi (pemerintahan Islam) juga menjadi wajib.

v. Wajib Berdasarkan Logik

Menurut Ibn Khaldūn, logik akal sendiri menunjukkan wajibnya menegakkan pemerintahan Islam. Manusia memang pasti hidup bermasyarakat, bahkan mustahil manusia hidup bersendirian. Di dalam hidup bermasyarakat, manusia pasti berselisih kerana kemahuan mereka adalah pelbagai.⁸³ Oleh itu, keperluan kepada pemimpin dan pemerintahan adalah sangat penting dan mendesak. Apatah lagi di dalam melaksanakan perintah-perintah Allah s.w.t.

vi. Wajib Berdasarkan Sejarah

Menurut al-Qaradāwī, sejarah Islam sendiri menunjukkan pentingnya menegakkan pemerintahan Islam. Rasulullah s.a.w. telah berusaha untuk mendirikan sebuah negara untuk dakwah baginda yang hanya dinaungi oleh kuasa syariat. Rasulullah s.a.w. cuba mempengaruhi kabilah-kabilah yang

⁸² 'Alī bin 'Abbās al-Ba'ī al-Ḥanbalī (1956), *al-Qawā'id wa al-Fawā'id al-Uṣūliyyah*, Kaherah: Maṭba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, jilid 1, hlm 104.

⁸³ Ibn Khaldūn, *op.cit.*, hlm 192.

datang supaya beriman, mempertahankan baginda dan memelihara dakwah baginda. Akhirnya golongan Aws dan Khazraj yang datang dari Madinah pada musim haji bersedia berbaiah untuk mempertahankan baginda seperti mereka mempertahankan keluarga mereka sendiri.⁸⁴

Hujah-hujah di atas menunjukkan betapa perlunya menegakkan *khilāfah Islāmiyyah* walaupun ada di kalangan umat Islam yang masih ragu mengenainya. Bahkan, masih banyak nas-nas al-Qur'ān sendiri yang menunjukkan wajib dan pentingya sebuah pemerintahan Islam seperti firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِّنَ وَلَدِيهِمْ مِّن
شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا وَإِنِ اسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ
إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَاقٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٧٦﴾

*Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) ugama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan.*⁸⁵

Allah s.w.t. meletakkan syarat hijrah atau bergabung di dalam negara Madinah untuk menjadikan seseorang yang beriman itu dinaungi dan dilindungi oleh Rasulullah s.a.w. Menurut Sayyid Qutb, dari segi akidah, golongan ini telah memeluk

⁸⁴ Al-Qaradāwī, *op. cit.*, hlm 16.

⁸⁵ Surah al-Anfāl 8: 72.

Islam tetapi tidak menyertai masyarakat Islam kerana tidak berhijrah ke negara Islam (Madinah) yang diperintah dengan syariat Allah. Oleh itu, mereka tidak diiktiraf sebagai anggota masyarakat Islam. Justeru Rasulullah s.a.w. tidak memberi naungan dan tidak mempunyai kuasa ke atas mereka. Apa yang ada adalah hubungan akidah yang membolehkan Rasulullah s.a.w. membantu mereka dalam mempertahankan agama dan akidah mereka sahaja dengan syarat tiada sebarang perjanjian antara negara Islam dengan pihak yang mencerobohi mereka.⁸⁶

2.3.2 Kaedah Menegakkan Pemerintahan Islam

Al-Qur'ān tidak menyebut secara terperinci mengenai kaedah mendirikan pemerintahan Islam. Walau bagaimanapun, ulamak-ulamak telah menghuraikan kaedah-kaedah perlantikan khalifah.

2.3.3 Kaedah Melantik Khalifah

Di dalam sejarah Islam, terdapat empat kaedah yang digunakan dalam perlantikan khalifah iaitu:

i. Nas

Pendapat ini dipegang oleh Syiah Imāmiyyah. Pada asalnya mereka berpendapat bahawa khalifah ditentukan berdasarkan nas atau pilihan orang ramai. Namun kerana taksuf kepada °Ali k.r.w, mereka mengenyepikan kaedah pilihan ramai. Bahkan mereka menganggap Allah s.w.t. wajib menentukan imam dengan nas yang jelas dalam wahyu-Nya. Bagi mereka, Nabi Muḥammad s.a.w. wajib menyampaikannya iaitu baginda telah menentukan bahawa °Ali adalah pengganti (khalifah) baginda s.a.w.⁸⁷

⁸⁶ Sayyid Qutb, *op.cit.*, hlm 1558 - 1559.

⁸⁷ Al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyiq: Dār al-Fikr, cet. 3, jilid 6, hlm 674.

ii. Baiah Umum

Baiah adalah janji setia dari rakyat kepada pemimpin. Ini bermaksud khalifah dipilih oleh orang ramai dengan persetujuan orang yang dicadang tersebut. Kemudian mereka bersepakat untuk mengikat janji mematuhi khalifah. Contoh terbaik dalam baiah adalah pemilihan Abū Bakr al-Ṣiddīq r.a. oleh orang ramai selepas dicadangkan oleh ʿUmar al-Khattāb r.a. Ini bererti Abū Bakr r.a. telah dilantik berdasarkan persetujuan orang ramai yang hadir.

iii. Penentuan Wasiat (*Wilāyah al-ʿAhd*)

Wilāyah al-ʿAhd bermaksud pemimpin yang sedia ada menentukan seseorang sebagai penggantinya atau menentukan sifat-sifat pengganti yang dikehendakinya.⁸⁸ Ini berdasarkan perlantikan ʿUmar r.a. yang ditentukan oleh Abū Bakr al-Ṣiddīq sebelum kematian beliau. Bahkan menurut al-Māwardī, khalifah yang sedia ada boleh menentukan susunan penggantinya seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. tentang kepimpinan di dalam Perang Mu'tah.⁸⁹

iv. Pilihan *Ahl al-Ḥall wa al-ʿAqd*

Ahl al-Ḥall wa al-ʿAqd adalah sekumpulan tokoh di kalangan ulamak tertentu atau pemimpin yang berperanan mewakili umat di dalam memilih pemimpin. Al-Māwardī telah meletakkan tiga syarat bagi mereka iaitu:

- a) memenuhi syarat-syarat adil.
- b) berilmu sehingga dapat mengenal pasti siapakah yang berhak atau layak.

⁸⁸ *Ibid*, hlm 680.

⁸⁹ Al-Māwardī², *op.cit*, hlm 13. Rasulullah s.a.w. telah menentukan Zayd bin Ḥārithah sebagai ketua perang sebelum tentera Islam berangkat. Baginda berpesan, sekiranya Zayd terbunuh, maka Ja'far adalah penggantinya. Sekiranya Ja'far pula terbunuh, ʿAbd Allah bin Rawāḥah adalah penggantinya.

- c) mempunyai buah fikiran dan kecerdikan untuk menentukan siapakah yang lebih baik kepimpinannya dan lebih arif tentang pentadbiran.⁹⁰

Umar r.a. sendiri telah menentukan enam orang untuk bermesyuarat dan memilih salah seorang dari mereka sebagai imam sehingga terpilihnya Uthmān bin Affān sebagai khalifah.

v. Paksaan dan Penguasaan

Perlantikan khalifah juga berlaku secara kekerasan dan penguasaan walaupun tanpa baiah atau wasiat oleh pemerintah sebelumnya. Asalkan ia dilakukan oleh seorang yang mempunyai kelayakan. Namun al-Zuhaylī berpendapat bahawa kaedah keempat ini adalah dalam suasana yang terkecuali. Ini kerana pada asasnya perlantikan khalifah adalah berasaskan pilihan, bukan paksaan. Oleh itu terdapat di kalangan ulamak yang menolak pemerintahan berdasarkan kaedah ini seperti al-Qalqasyandī, al-Bāqillānī, Ibn Hajar al-Haytamī dan Ibn Taymiyyah.⁹¹

Pengiktirafan ulamak tersebut berlaku kerana meraikan realiti yang sedia ada pada zaman mereka demi mengelakkan pertumpahan darah.⁹² Ini bersesuaian dengan *hadīth* Rasulullah s.a.w.:

⁹⁰ *Ibid*, hlm 6.

⁹¹ Arif Khalīl Abū ʿĀd (1996), *Nizām al-Ḥukm fī al-Islām*, Jordan: Dār al-Nafā'is, hlm 119-120.

⁹² Al-Zuhaylī (1989), *op.cit*, hlm 682.

عِيَارُ أَيْمَتِكُمْ الَّذِينَ يُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ
 وَشِرَارُ أَيْمَتِكُمْ الَّذِينَ يُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكَ وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكَ
 قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا تُنَادِيهِمْ بِالسَّيْفِ فَقَالَ لَا مَا أَقَامُوا فِيكُمْ الصَّلَاةَ وَإِذَا
 رَأَيْتُمْ مِنْ وُلَاتِكُمْ شَيْئًا تَكْرَهُونَهُ فَاسْكُرْهُوا عَمَلَهُ وَلَا تَنْزِعُوا يَدًا مِنْ طَاعَةٍ.

*Maksudnya: Sebaik-baik pemimpin kamu adalah orang yang kamu kasih dan mereka mengasih kamu, mereka mengucapkan salam kepada kamu dan kamu mengucapkan salam kepada mereka. Sejahat-jahat pemimpin kamu pula adalah orang yang kamu benci dan mereka membenci kamu. Kamu melaknat mereka dan mereka melaknat kamu. Orang bertanya: Wahai Rasulullah! Tidakkah boleh kami menentang mereka dengan pedang? Jawab baginda: Tidak, selama mereka mendirikan sembahyang bersama kamu. Sekiranya kamu dapati pada para pemimpin sesuatu yang kamu benci, maka bencilah amalannya. Jangan kamu menarik diri dari ketaatan.*⁹³

Walau bagaimanapun, menurut Sa^{ci}d Hawwā, larangan tersebut tidak menafikan kewajipan menegur dan membetulkan pemimpin. Bahkan teguran yang benar di hadapan imam yang zalim adalah jihad yang paling utama.⁹⁴ Apatah lagi jika mereka sudah melampaui batas akidah, maka ketika itu penentangan sudah dilarang lagi berdasarkan *hadīth* Rasulullah s.a.w.:

فَبَايَعَاهُ (رسول الله صلى الله عليه وسلم) عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فِي مَنْشَطِنَا
 وَمَكْرَهِنَا وَعُسْرِنَا وَيُسْرِنَا وَأَثَرَةٍ عَلَيْنَا وَأَنْ لَا نُنَازِعَ الْأَمْرَ أَهْلَهُ قَالَ: إِلَّا أَنْ
 تَرَوْا كُفْرًا بَوَاحًا عِنْدَكُمْ مِنَ اللَّهِ فِيهِ بُرْهَانٌ *

⁹³ Muslim, *op.cit.*, jilid 3, hlm 1481.

⁹⁴ Ini berdasarkan *hadith*: *أفضل الجهاد كلمة عدل عند سلطان خابر أو أمير خابر*
 Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Asy^{ath} al-Sijistānī (t.th), *Sunan Abī Dāwūd*, (t.pt), Dār al-Fikr, jilid 4,
 hlm 124.

Maksudnya: Kami berbaiah kepada baginda s.a.w. supaya mendengar dan taat dalam keadaan rajin dan benci, dalam keadaan susah dan senang serta (perkara yang melibatkan) kepentingan diri, dan supaya kami tidak menentang orang memegang urusan (kepimpinan). Sabda baginda: kecuali jika kamu melihat kekufuran yang nyata terhadap Allah di depan kamu yang disertai bukti.⁹⁵

Walaupun al-Qur'an tidak memperincikan perkara di atas, namun kaedah umum telah dinyatakan iaitu berdasarkan syura atau permesyuaratan di kalangan muslimin. Ini dapat dilihat dalam perlantikan empat sahabat yang diiktiraf oleh Rasulullah s.a.w. sebagai *khilāfah ʿalā minhāj nubuwwah* iaitu Abū Bakr, ʿUmar, ʿUthmān dan ʿAli. Kesemua perlantikan mereka mengambil kira pandangan dan persetujuan orang ramai yang dilihat dalam bentuk baiah umum di kalangan muslimin.⁹⁶

2.3.4 Syarat Kelayakan Sebagai Khalifah

Islam meletakkan bahawa seorang khalifah dan pemimpin hendaklah dilantik di kalangan orang yang layak sahaja berdasarkan *hadīth* Rasulullah s.a.w.:

فَإِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةُ فَاتَنْظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا قَالَ إِذَا وَسَدَّ الْأَمْرُ
إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَاتَنْظِرِ السَّاعَةَ *

Maksudnya: Maka apabila amanah disia-siakan, tunggulah kiamat. Lelaki tadi bertanya: Bagaimanakah mensia-siakan amanah itu? Jawab baginda: Apabila urusan kepimpinan diserahkan kepada orang yang tidak layak, maka tunggulah kiamat.⁹⁷

⁹⁵ Ahmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī (1994), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, Mekah: Maktabah Dār al-Bāz, jilid 8, hlm 145.

⁹⁶ Saʿīd Ḥawwā, *op.cit.*, hlm 383-388.

⁹⁷ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 1, hlm 33.

Oleh itu, ulamak telah menggariskan kriteria yang perlu ada pada calon pemimpin iaitu:

- i. Islam, merdeka, lelaki, baligh dan berakal.

Syarat-syarat ini menjadikan calon tersebut mempunyai keupayaan dan kematangan asas.⁹⁸

- ii. Adil.

Syarat ini penting kerana khalifah menyelia pelbagai pegawai dan penjawat yang memerlukan sifat adil. Oleh itu, calon tersebut lebih perlu memiliki sifat tersebut.

- iii. Ilmu.

Ilmu yang paling penting adalah ilmu tentang hukum-hakam Islam kerana khalifahlah yang akan melaksanakan hukum-hukum tersebut.

- iv. Cukup sempurna anggota tubuh.

Syarat ini juga perlu kerana kecacatan anggota akan mengurangkan keupayaan dalam menjalankan tugas.⁹⁹

- v. Berani.

Al-Māwardī meletakkan syarat ini kerana khalifah bertanggungjawab melindungi negara dan berjihad menentang musuh.¹⁰⁰

⁹⁸ Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, hlm 693.

⁹⁹ Sa'īd Hawwā, *op.cit.*, hlm 380.

¹⁰⁰ Al-Māwardī¹², *op.cit.*, hlm 6.

vi. Berpengaruh (Quraisy).

Syarat Quraisy diambil berdasarkan *hadīth* Rasulullah s.a.w.:

الْأَيْمَةُ مِنْ قُرَيْشٍ.

*Maksudnya: Para pemimpin adalah dari kalangan Quraisy.*¹⁰¹

Namun, apabila golongan berketurunan Quraisy sendiri menjadi lemah kerana kemewahan, manusia mula mengeneipkan syarat ini dan berpegang kepada *hadīth* berikut¹⁰²:

اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَإِنْ اسْتَعْمَلَ حَبَشِيٌّ كَانَ رَأْسُهُ زَبِيَّةٌ *

*Maksudnya: Dengarlah dan taatlah, sekalipun yang menjadi ketua kamu adalah seorang Habsyi yang kepalanya seperti anggur kering.*¹⁰³

Menurut Ibn Khaldūn, kaum Quraisy mempunyai kefanatikan yang dapat menaungi dan menyelesaikan perselisihan.¹⁰⁴ Mutakhir ini syarat ini dianggap lambang yang ditafsirkan sebagai berpengaruh.¹⁰⁵

¹⁰¹ Al-Hākim *op.cit.*, jilid 4, hlm 85.

¹⁰² Ibn Khaldūn, *op.cit.*, hlm 194.

¹⁰³ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 1, hlm 246.

¹⁰⁴ Ibn Khaldūn, *op.cit.*, hlm 195.

¹⁰⁵ Fadzil Hj Mohd Noor (2000), *Konsep Kepimpinan Dalam Parti Islam Se-Malaysia*, Model Kerajaan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Ulamak PAS Pusat, hlm 2.

2.4 Tanggungjawab Khalifah

Oleh kerana jawatan khalifah itu sendiri bererti pengganti, Islam meletakkan tanggungjawab yang besar pada bahu mereka untuk ditunaikan. Tanggungjawab tersebut dapat dilihat dari definisi *khilāfah* itu sendiri iaitu:

2.4.1: Menjaga Agama

Khalifah berperanan menjaga agama supaya terpelihara dan tidak terseleweng dari asas-asasnya. Oleh kerana agama telah disempurnakan Allah s.w.t. dengan tamatnya wahyu dan kenabian, maka khalifah bertanggungjawab mempertahankannya dari unsur-unsur luar dan perubahan.

2.4.2 Melaksanakan Syariah

Perlaksanaan syariah Allah s.w.t. menjadi tugas utama kerana ia adalah tujuan Allah s.w.t. melantik manusia sebagai khalifah dan memberikan kemenangan kepada golongan yang beriman.

Selain dari itu terdapat tanggungjawab lain yang perlu dilaksanakan oleh khalifah iaitu:

2.4.3 Melaksanakan Keadilan

Selain dari menjalankan syariat Allah, perintah memimpin manusia dan menyelesaikan masalah perselisihan antara mereka memberi maksud menegakkan keadilan sesama manusia walaupun dengan golongan yang kafir. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا¹⁰⁶

*Maksudnya: Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*¹⁰⁶

2.4.4 Amar Makruf dan Nahi Mungkar

Khalifah juga bertanggungjawab memastikan terlaksananya seruan kepada kebaikan dan pencegahan dari berlakunya kemungkaran di kalangan masyarakat manusia seluruhnya. Firman Allah s.w.t.:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

*Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) sedang kamu beriman kepada Allah s.w.t. ...*¹⁰⁷

¹⁰⁶ Surah al-Baqarah 2 : 143.

¹⁰⁷ Surah Āli ‘Imrān 3: 110.

2.4.5 Menggerakkan Jihad

Jihad merupakan kewajipan yang berterusan hingga kiamat. Namun, jihad dengan erti kata peperangan hanya mula diizinkan selepas wujudnya negara Islam Madinah. Oleh itu pelaksanaan kewajipan jihad itu menjadi sebahagian tanggungjawab khalifah.

2.4.6 Mendidik Umat

Khalifah juga bertanggungjawab mendidik umat memahami agama dan kehidupan dengan betul. Tugas ini merupakan tugas yang diwarisi dari para nabi sepanjang zaman. Firman Allah s.w.t.:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

Maksudnya: Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin (buta huruf), seorang Rasul (Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan membersihkan mereka (dari iktiqad sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Qur'an) dan Hikmah.¹⁰⁸

2.4.7 Berdakwah Kepada Manusia

Kewajipan meneruskan dakwah juga menjadi tugas khalifah kerana mereka adalah pengganti para nabi dan rasul. Sedangkan tugas utama para rasul itu adalah berdakwah mengajak manusia kepada iman.

¹⁰⁸ Surah al-Jumu'ah 62. 2.

Secara umumnya, tanggungjawab-tanggungjawab tadi dijelaskan oleh

Allah s.w.t.:

الَّذِينَ إِذَا مَكَتْنَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَإِلَيْهِ عَشِيرَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

*Maksudnya: Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.*¹⁰⁹

2.5 *Khilāfah* Adalah Janji Allah s.w.t.

Selain dari menjadi kewajipan bagi orang yang beriman berjuang menegakkan *khilāfah Islāmiyyah*, al-Qur`ān menjelaskan bahawa kemenangan dalam erti berjaya menegakkan *khilāfah* itu sendiri adalah janji Allah s.w.t. yang pasti terlaksana. Ini kerana Allah s.w.t. menjadikan manusia sebagai makhluk yang hidup silih berganti.

2.5.1 Pemerintahan Manusia Silih Berganti

Allah s.w.t. menjelaskan keadaan manusia yang silih berganti zaman demi zaman, antara satu generasi demi generasi. Firman Allah s.w.t.:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ



Maksudnya: Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain

¹⁰⁹ Surah al-Hajj 22: 41.

beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.¹¹⁰

Ayat ini menggambarkan realiti dan *sunnah* Allah dalam kehidupan manusia. Tiada kerajaan yang kekal melainkan kerajaan Allah s.w.t. Pemerintahan manusia dijadikan silih berganti kerana Allah s.w.t. mengangkat sebahagian manusia mengatasi sebahagian yang lain. Ini melibatkan semua bentuk kerajaan dan tamadun sama ada yang beriman atau tidak. Hal ini turut disokong oleh *hadīth* Rasulullah s.a.w.:

"أَلَا إِنَّ رُحَى الْإِسْلَامِ دَائِرَةٌ، فَدُورُوا مَعَ الْإِسْلَامِ حَيْثُ دَارَ، أَلَا إِنَّ الْكِتَابَ وَالسُّلْطَانَ سَيَفْتَرِقَانِ، فَلَا تُفَارِقُوا الْكِتَابَ"

*Maksudnya: Ingatlah bahawa kitaran roda Islam itu sentiasa berkisar. Maka kamu hendaklah sentiasa berkisar bersama dengan Islam di mana ia sekalipun ia berkisar. Ingatlah bahawa al-Kitāb (ajaran al-Qur'ān) dan pemerintahan akan berpisah, maka janganlah kamu memisahkan dirimu dari al-Kitāb.*¹¹¹

¹¹⁰ Surah al-An'ām 6: 165.

¹¹¹ Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *Al-Mu'jam al-Kabīr*, t.tp: al-Zahrā', jilid 20, hadith ke 172.

Di dalam riwayat lain dalam kitab yang sama juz 2, hadith ke 1429 berbunyi:

{ أَلَا إِنَّ رُحَى الْإِسْلَامِ دَائِرَةٌ قَبْلَ تَكْوِينِ نَصِيحِ رَسُولِ اللَّهِ ؟ اعْرَضُوا حَدِيثِي عَلَى الْكِتَابِ ، فَمَا وَفَّقَهُ فَهُوَ مِنِّي ، وَأَنَا فَتَنَهُ . }

Bagaimanapun, Nāṣir al-Dīn al-Albānī menyifatkan riwayat ini sangat lemah.

2.5.2 Janji Allah Kepada Golongan Yang Beriman

Selain dari itu, Allah s.w.t. juga menjanjikan bahawa kekuasaan ke atas bumi ini sendiri akhirnya akan diserahkan kepada golongan yang beriman. Janji itu telah diwartakan sejak dahulu lagi di dalam kitab Zabur. Firman Allah s.w.t.:

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ
الصَّالِحُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya, Kami telah tulis di dalam Kitab-kitab yang Kami turunkan sesudah ada tulisannya pada Lauh Mahfuz: "Bahawasanya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hambaKu yang soleh".¹¹²

Janji untuk memegang tampuk pemerintahan itu dijelaskan oleh Allah beserta nikmat lain secara terperinci lagi dalam bentuk kekuatan agama dan keamanan. Firman Allah s.w.t.:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي
الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي
ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي
شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka:

¹¹² Surah al-Anbiyā' 21: 105.

*khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhainya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.*¹¹³

2.6 Sejarah *Khilāfah* di dalam Islam

Sejak dari awal penciptaan manusia, mereka telah dipimpin oleh pelbagai kepimpinan. Pada zaman tertentu manusia menjalankan perintah-perintah Allah s.w.t. Keadaan berubah apabila ada di kalangan manusia yang mula meninggalkan perintah Allah s.w.t. Lalu Allah s.w.t. menyerahkan kekuasaan kepada golongan yang lain. Ini bersesuaian dengan firman Allah s.w.t.:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ أَلْمَلِكِ تُوْتِي أَلْمَلِكَ مَن تَشَاءُ وَتَنْزِعُ أَلْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ
وَتُعِزُّ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَاءُ بِيَدِكَ أَلْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*¹¹⁴

¹¹³ Surah al-Nūr 24: 55.

¹¹⁴ Surah Āli 'Imrān 3: 26.

Manakala dalam surah yang lain pula, Allah s.w.t. berfirman:

وَرَبُّكَ الْغَنِيُّ ذُو الرَّحْمَةِ إِنْ يَشَاءُ يُدْهِبْكُمْ وَيَسْتَخْلِفْ مِنْ بَعْدِكُمْ مَا يَشَاءُ كَمَا أَنْشَأَكُمْ مِنْ ذُرِّيَّةِ قَوْمٍ آخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

*Maksudnya: Dan Tuhanmu Maha Kaya, lagi Melimpah-limpah rahmatNya. Jika Ia kehendaki, nescaya Ia binasakan kamu dan menggantikan sesudah (binasanya) kamu dengan sesiapa yang dikehendakiNya, sebagaimana Ia telah menjadikan kamu dari keturunan kaum yang lain.*¹¹⁵

2.6.1 *Khilāfah* Para Nabi dan Rasul.

Sejak dari awal lagi, kepimpinan manusia berada di tangan para nabi. Nabi Adam a.s. merupakan khalifah yang pertama diikuti oleh para nabi yang lain. Rasulullah s.a.w. bersabda:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ

*Maksudnya: Segala urusan pengikut Bani Israel akan diatur oleh para Nabi. Apabila seseorang nabi itu meninggal dunia, dia akan digantikan oleh seorang nabi yang lain.*¹¹⁶

Para nabi telah menjadi khalifah dan pemimpin yang bukan sekadar mendidik umat bahkan melaksanakan perintah dan hukum Allah s.w.t. sesama manusia. Allah s.w.t. berfirman:

¹¹⁵ Surah al-An'ām 6: 133.

¹¹⁶ Al-Bukhārī, *op.cit.* jilid 3, hlm 1273 dan Muslim, *op.cit.* jilid 3, hlm 1471.

كَانَ الْإِنْسَانُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ
وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ
فِيمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ

*Maksudnya: Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama Allah, tetapi setelah mereka berselisih), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khobar gembira dan pemberi amaran dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu Kitab-kitab Suci yang benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan..*¹¹⁷

2.6.2 *Khilāfah* Zaman Islam

Selepas tamatnya kerasulan dan kenabian di bumi, tugas para nabi diganti oleh para pengganti mereka (khalifah) sebagaimana dinyatakan dalam *hadīth* berikut:

وَأِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي وَسَتَكُونُ خُلَفَاءُ كَثِيرٌ.

*Maksudnya: Sesungguhnya tidak akan ada nabi selepasku. Pada suatu ketika nanti akan muncul khalifah yang ramai.*¹¹⁸

Dalam *hadīth* yang lain Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa tempoh pimpinan khalifah adalah selama 30 tahun, iaitu:

خِلَافَةُ النَّبِيِّ ثَلَاثُونَ سَنَةً ثُمَّ يُؤْتِي اللَّهُ الْمُلْكَ أَوْ مُلْكَهُ مَنْ يَشَاءُ

Maksudnya: Khilāfah yang mengganti kenabian adalah selama tiga puluh tahun, selepas itu Allah menyerahkan

¹¹⁷ Surah al-Baqarah 2: 213.

¹¹⁸ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 3, hlm 1273 dan Muslim, *op.cit.*, jilid 3, hlm 1471.

*pemerintahan atau kerajaan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki.*¹¹⁹

Di dalam Musnad Imam Aḥmad, perawi *hadīth* ini yang bernama Saḥīnah menyatakan bahawa pemerintahan Abū Bakr adalah 2 tahun, ʿUmar pula 20 tahun, ʿUthmān 12 tahun dan ʿAli selama 6 tahun.¹²⁰ Oleh itu pemerintahan selepas mereka adalah *mulūk* (raja-raja). Walau bagaimanapun, Ibn Taymiyyah berpendapat harus menggelarkan pemerintah-pemerintah selepas itu sebagai khalifah berdasarkan *hadīth* berikut:

وَأِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي وَسَتَكُونُ خُلَفَاءُ تَكْثُرُ.

*Maksudnya: Sesungguhnya tidak akan ada nabi selepasku. Pada suatu ketika nanti akan muncul Khalifah yang ramai.*¹²¹

Menurut beliau perkataan '*takthuru*' (تكثر) itu menunjukkan khalifah itu ramai, sedangkan *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* yang berempat itu tidaklah dianggap ramai.¹²²

¹¹⁹ Abū Dāwūd, *op.cit.*, jilid 4, hlm 211. Dalam riwayat al-Tirmidhī dan Aḥmad, lafaz yang digunakan adalah: *الخلافة ثلاثون سنة/عامة ثم يكون ملك.*

¹²⁰ Aḥmad bin Ḥanbal, *op.cit.*, jilid 5, hlm 220.

¹²¹ Al-Bukhārī, *op.cit.*, jilid 3, hlm 1273 dan Muslim, *op.cit.*, jilid 3, hlm 1471.

¹²² Ibn Taymiyyah, *op.cit.*, hlm 25.

2.6.3 *Khilāfah* Pada Zaman Mutakhir

Pemerintahan yang berdasarkan syariat Islam telah berakhir dengan tamatnya *Khilāfah* ^UUthmāniyah di Turki pada tahun 1924. Ini bererti sehingga kini, sistem *khilāfah Islāmiyyah* sudah tidak berjalan selama tujuh puluh tujuh tahun. Hal ini sudah disebut oleh Rasulullah s.a.w. dalam *hadīth*nya iaitu:

لَيَنْقُضَنَّ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرُوزَ عُرُوزَةَ فَكَلَّمَا انْتَقَضَتْ عُرُوزَةُ تَشَبَّثَ النَّاسُ بِالَّتِي تَلِيهَا وَأَوَّلُهُنَّ نَقْضُ الْحُكْمِ وَأَخِيرُهُنَّ الصَّلَاةُ.

*Maksudnya: Ikatan Islam akan terungkai satu demi satu. Setiap kali satu ikatan terungkai, orang ramai akan berpaut pada ikatan yang selepasnya. Ikatan yang pertama terungkai adalah pemerintahan dan yang terakhir adalah solat.*¹²³

Dalam *hadīth* lain Rasulullah s.a.w. menyebut:

تَكُونُ النَّبِيُّ فِيكُمْ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ النَّبِيِّ فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا عَاضًا فَيَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكُونَ ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ثُمَّ تَكُونُ مُلْكًا جَبْرِيَّةً فَتَكُونُ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ تَكُونَ ثُمَّ يَرْفَعُهَا إِذَا شَاءَ أَنْ يَرْفَعَهَا ثُمَّ تَكُونُ خِلَافَةً عَلَى مِنْهَاجِ النَّبِيِّ ثُمَّ سَكَتَ.

Maksudnya: Berlakulah zaman para nabi di kalangan kamu selama mana Allah kehendaki kemudian Dia menamatkan zaman itu apabila Dia mahu. Kemudian berlakulah zaman khilāfah (kepimpinan pengganti) yang berjalan di atas landasan kenabian selama mana Allah kehendaki kemudian Dia menamatkan zaman itu apabila Dia mahu. Kemudian berlakulah zaman raja-raja yang silih berganti selama mana Allah kehendaki kemudian Dia menamatkan zaman itu apabila Dia mahu. Kemudian berlakulah zaman raja-raja

¹²³ Ahmad bin Hanbal, *op.cit.*, jilid 5, hlm 251.

*diktator selama mana Allah kehendaki kemudian Dia menamatkan zaman itu apabila Dia mahu. Kemudian berlakulah zaman khilāfah (kepimpinan pengganti) yang berjalan di atas landasan kenabian." Selepas itu baginda diam.*¹²⁴

Ada pendapat yang menyatakan bahawa maksud *hadīth* di atas sudah berlaku sehingga zaman pemerintahan ʿUmar bin ʿAbd al-ʿAziz yang penuh keadilan. Menurut Ḥabīb bin Salīm, salah seorang perawi *hadīth* ini, apabila ʿUmar bin ʿAbd al-ʿAziz mengambil alih pemerintahan Islam, beliau menulis surat kepada Yazīd bin al-Nuʿmān bin Basyīr yang menjadi orang kanan ʿUmar menyatakan harapannya agar ʿUmar adalah khalifah yang memerintah selepas zaman raja-raja yang silih berganti dan zaman raja-raja diktator.¹²⁵

Namun hanya ʿUmar seorang sahaja di kalangan para pemerintah Bani Umayyah dan selepasnya yang sesuai dengan jolokan *khilāfah ʿalā minhāj al-nubuwwah*. Oleh itu dapatlah diandaikan bahawa zaman beraja yang dimaksudkan Rasulullah s.a.w. dalam *hadīth* tersebut menjangkau zaman pemerintahan Bani ʿAbbās sehingga penghujung pemerintahan Bani ʿUthmān di Turki. Keseluruhan pemerintah pada zaman-zaman tersebut dilantik secara monarki. Oleh itu zaman selepas tamatnya *khilāfah Islāmiyyah* Turki, atau dengan kata lain zaman mutakhir ini adalah zaman pemerintah-pemerintah diktator. Ini bererti umat Islam masih menanti zaman pemerintahan *khilāfah Islāmiyyah* yang adil berdasarkan manhaj nubuwwah sebagaimana yang

¹²⁴ *Ibid*, jilid 4, hlm 273.

¹²⁵ *Ibid*.

dijanjikan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Nūr, ayat 55 dan oleh Rasulullah s.a.w. dalam *hadīth* tadi.